

# Buku elektronik pengaruhi minat membaca

→ Mudah diakses, e-buku jadi pilihan

Oleh Siti Haliza Yusop  
shyusop@bh.com.my

▪ Kuala Lumpur

Corak penjualan buku elektronik atau e-buku tanah air sepanjang 18 bulan ini menunjukkan aliran memberangsangkan apabila mencatat hampir tujuh peratus jualan daripada keseluruhan pasaran buku di negara ini.

Meskipun jumlah itu masih dilihat kecil, ia menandakan perubahan teknologi dan mobiliti mula mempengaruhi kehidupan pengguna termasuk cara memilih untuk membaca buku.

Pembaca kini mula mengubah tabiat membaca dengan memilih format buku yang berbeza daripada konvensional termasuk e-buku yang mudah diakses dengan menggunakan pelbagai alat elektronik.

Pengarah Urusan e-Sentral, Faiz Al Shahab, berkata data laporan saiz pasaran buku oleh Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dan bandingan jualan e-buku menunjukkan aliran yang lebih besar daripada jumlah dicatatkan beberapa tahun lalu.

“Tiga tahun lalu, pasaran e-buku di negara ini hanya dua peratus sahaja daripada keseluruhan pasaran buku.

“Kita tahu tidak mungkin pasaran buku konvensional akan pupus sepenuhnya, tetapi saiz pasaran ini akan mengecut kerana semakin ramai khalayak lebih celik dalam penggunaan aplikasi untuk membaca.

“Di Amerika Syarikat (AS) sekalipun, pasaran e-buku semakin membesar walaupun belum menjadi majoriti dalam pasaran buku lagi,” katanya kepada BH di sini.

## Medium alternatif

Sebelum ini, BH menyiarkan gesaan Pengurus Kanan Perbadanan Kota Buku (PKB), Hasri Hasan, supaya penerbit dan penulis menyesuaikan diri dengan media digital kerana kaedah mengakses bahan bacaan tidak lagi hanya bergantung kepada medium konvensional.

[FOTO HIASAN]



E-buku gaya terkini pembacaan mudah diakses melalui pelbagai alat elektronik.

Perkembangan mutakhir menyasarkan sudah ada penerbit dan pengarang mengorak langkah ke arah itu seperti Aina Emir yang menerbitkan karyanya dalam bentuk e-buku serta Hasrul Rizwan yang aktif menggunakan aplikasi Wattpad.

Faiz berkata, portal e-bukunya, e-Sentral, kini mempunyai lebih 256,000 judul penulis dan penerbit rantau ini serta antarabangsa.

Sehingga kini, e-Sentral sudah memiliki 273,000 pengguna berdaftar dengan hampir 9,000 pembaca melayari portal itu setiap hari.

Beliu melihat tidak sukar untuk penulis tanah air beralih ke pada medium alternatif, termasuk e-buku, apatah lagi bahan yang diperlukan untuk penerbitan alternatif seperti digital bukan sahaja sama dengan penerbitan ber-cetak malah lebih mudah dan ringkas.

Bagaimanapun katanya, wujud



Kita tahu tak mungkin pasaran buku konvensional akan pupus sepenuhnya, tetapi saiz pasarannya akan mengecut”

Faiz Al Shahab,

Pengarah Urusan e-Sentral

stigma penulis masih menginginkan buku bercetak, selain peluang bergambar di kedai buku dengan naskhah ditandatangani sebelum menganggap diri sebagai penulis atau novelis.

“Penulis generasi baharu, saya lihat kurang menghadapi prejudis seperti ini kerana e-buku ialah aliran pendapatan baharu yang seragam prinsipnya sama sahaja dengan buku bercetak.

“Masih ada yang terus terperangkap dengan pemikiran buku digital akan menghancurkan industri buku cetak sedangkan tanpa kewujudan buku digital sekalipun, ia sudah berhadapan dengan masalah menyaingi media sosial,” katanya.

Faiz berkata, apabila media arus perdana semakin berkurangan pengguna, media sosial menjadi lebih menonjol, tetapi untuk membentuk pengikut dan capaian memerlukan masa serta pelaburan yang besar.